

yang berlaku itu nampak dan zahir akan kegopohan kerajaan British dalam menyelesaikan masalah terusan Suez itu membawa kesan kepada dunia bahawa ahli-ahli diplomat British tidak dapat lagi mengendalikan diplomasinya dalam menghadapi keadaan-keadaan luar negerinya.

Hal ini terbit daripada tunjuk-tunjuk perasaan dan keluarnya beberapa orang menteri British yang difikirkan oleh mereka kurang saksama mengeruhkan lagi keadaan yang sudah memang keruh yang boleh diselenggarakan dengan cara yang lebih baik sekalipun keadaan-keadaan mencapak kerajaan British telah dilakukan oleh Jamal Abdul Nasir.

Kejadian ini dengan sendirinya mengenai kedudukan yang berlaku di negeri Islam Timur Tengah itu. Mereka mengetahui bahawa pertalian antara kerajaan Inggeris dengan kerajaan-kerajaan Islam di Timur Tengah banyak retaknya dalam masa-masa yang lampau dan hendaknya di masa-masa yang akhir-akhir ini janganlah retak-retak itu dibesar-besarkan lagi.

Hendaknya dicari satu jalan yang halus dan bijaksana untuk merapatkan pertalian itu. Umat Islam umumnya tidak layan harapan mereka, ketika melihat perkembangan-perkembangan yang ada di sebalik layar perjuangan itu, berharap bahawa suatu peperangan yang ketiga tidak akan berlaku dan mereka mengetahui bahawa menang atau kalah dalam perjuangan itu penderitaan akan menimpa negara-negara Islam itu – kalau kalah akan termasuk ke dalam mulut buaya dan kalau menang akan termasuk pula ke dalam mulut harimau sedang masa ini kedudukan negara-negara Islam masih lagi dalam binaan. Dengan kerana itulah kerajaan-kerajaan Islam berharap, langkah-langkah yang dilakukan dengan menggunakan senjata terhadap negeri-negeri itu akan meletakkan suatu bahaya dan menghilangkan suatu kepercayaan kepada blok barat yang akan menjauhkan negara-negara Islam daripada blok merah. Kerana dengan sendirinya dengan kejadian yang berlaku di hadapan kita

sekarang pengaruh merah, kerana jasa-jasanya, akan menghantarkan tentera merah mempertahankan negeri kecil daripada langgaran kuasa-kuasa besar tentulah dipandang sebagai suatu budi dan tiap-tiap satu budi itu jika telah diterima tentulah padahnya layan tidak – kalau dahulu dipandang lawan kerana bahaya idealoginya tetapi sekarang dipandang kawan – dan apabila berkawan idealoginya itu akan termasuk.

Siapa yang salah dalam perkara ini bukanlah kita yang menghakimkan tetapi harapan kita semata-mata bergantung kepada doa mudah-mudahan janganlah hendaknya berlaku perang dunia yang ketiga sebab di telinga kita masih terdengar lagi penderitaan-penderitaan dan jeritan-jeritan akibat daripada bencana perang yang lalu.

\* \* \*

#### Peringatan Kepada Pengundi-pengundi

Dalam majlis mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu kerajan Perikatan telah mengemukakan belanjawan merdeka iaitu belanjawan bagi tahun 1957. Untuk menutup kekurangan-kekurangan maka cukai-cukai terpaksa dinaikkan dan dengan kerana itu maka 55 orang daripada 90 orang ahli-ahli majlis itu, yang kita percaya, mereka berpendapat sebagai wakil rakyat, mengulas dan bercakap dalam perkara itu. Melihat ulasan-ulasan yang setengah-setengahnya kencang dan menghendaki belanjawan itu ditolak maka ketua menteri Tengku Abdul Rahman, dikatakan, telah menyatakan bahawa penolakan belanjawan itu bermakna tidak adanya kepercayaan kepada kerajaan Perikatan dan ia menghendaki supaya belanjawan itu diterima dengan tidak ada pindaan, kalau tidak kerajaannya akan meletakkan jawatan.

Perwakilan-perwakilan, yang hampir semuanya terdiri dari ahli-ahli perikatan, mendengar ugutan Tengku itu semuanya

(sambungannya di muka 46)